

20 bubu naga kena rampas di perairan Kuala Perlis

Rondaan Maritim
Malaysia temui
pancang kayu
mencurigikan
di permukaan air

BH 1/8/2022 M.S. 22

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kangar: Masalah penggunaan bubu naga yang diharamkan di sekitar perairan Perlis terus berlaku dengan terkini, 20 set lagi peralatan menangkap ikan itu dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain, berkata semua bubu naga itu dirampas selepas dikesan pada kedudukan sekitar 0.3 batu nautika daripada barat perairan Pulau Ketam di Kuala Perlis, di sini sekitar jam 4 petang.

“Bubu ini dikesan bot peronda Maritim Malaysia menerusi Op Aman dan Op Benteng Laut di perairan negeri Perlis, susulan penemuan pancang kayu yang mencurigikan di permukaan air sekitar perairan itu.

“Hasil tinjauan mendapati, pancang kayu terbabit adalah penanda lokasi di mana bubu naga dipasang individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab,” katanya dalam kenyataan semalam.

Tahap kesedaran rendah

Beliau mengakui segelintir nelayan di Perlis juga masih menjalankan kegiatan penangkapan ikan menggunakan bubu naga, walaupun penggunaannya sudah diharamkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bermula 1 November 2018.

“Tahap kesedaran masih rendah di dalam komuniti nelayan serta keinginan untuk mengaut keuntungan cepat dan mudah antara punca penggunaan bubu naga masih lagi berleluasa,” katanya.

Mengulas rampasan kelmarin,



Anggota Maritim Malaysia Zon Perlis menarik keluar set bubu naga yang ditemui di sekitar perairan Perlis.
(Foto ihsan APMM)

Mohd Hashim berkata, semua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai hampir RM1,600 dan dibawa ke jeti Maritim Malaysia Kuala Perlis untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tujuan tindakan

lanjut,” katanya.

Katanya, pemilik bubu naga terbabit boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.